

Baca petikan cerita berikut. Lengkapkan soalan yang diberikan.

Membaca

Terumbu Karang

TEMA 6
Alam Sekitar

Malaysia memiliki banyak pulau yang cantik seperti Pulau Sipadan di Sabah dan Pulau Perhentian di Terengganu. Pulau-pulau ini menjadi destinasi percutian yang terkenal kerana memiliki pantai yang cantik dan bersih. Selain itu, pengunjung dapat melakukan aktiviti menyelam dan bersnorkel bagi menikmati keindahan khazanah semula jadi laut.

Antara khazanah semula jadi laut yang amat berharga termasuklah terumbu karang. Terumbu karang menyediakan tempat berlindung kepada haiwan seperti penyu dan menjadi bekalan makanan yang sangat banyak kepada ikan. Terumbu karang juga dapat menghalang kejadian hakisan pantai. Hal ini terjadi demikian kerana terumbu karang dapat mengurangkan had laju ombak yang memukul pantai.

Terumbu karang yang sihat dapat menyediakan habitat yang selamat kepada semua hidupan marin. Menurut kajian para saintis, manusia merupakan satu faktor penyumbang kepada kemusnahan terumbu karang. Kegiatan pencemaran yang berpunca daripada pembuangan sampah sarap, sisa toksik dan bahan kumbahan ke laut boleh menjejaskan kehidupan terumbu karang.

Lokasi Terumbu Karang di Malaysia

- Pulau Perhentian
- Pulau Lang Tengah
- Pulau Redang
- Pulau Kapas
- Pulau Tenggol
- Pulau Tioman
- Pulau Satang
- Pulau Layang-layang
- Taman Laut Tunku Abdul Rahman
- Pulau Lankayan
- Pulau Sipadan, Pulau Mabul, Pulau Kapalai

(Sumber: Jabatan Taman Laut Malaysia)

REDMI NOTE 9 PRO
AI QUAD CAMERA

98

Lengkapkan soalan berikut.

Terumbu karang.	Pulau Perhentian.	Manusia.
Pulau Sipadan.	Menghalang kesan hakisan pantai.	Pembuangan sampah sarap, sisa toksik dan bahan kumbahan

1. Apakah nama pulau yang terdapat di Sabah?

2. Apakah nama pulau yang terdapat di Terengganu?

3. Apakah khazanah semula jadi laut yang paling berharga?

4. Apakah kebaikan terumbu karang?

5. Siapakah yang menjadi faktor kemusnahan terumbu karang?

6. Berikan contoh kegiatan pencemaran?
